



Penduduk Muar tak lupa kisah Lembing Awang Pulang Ke Dayang



[Badrul Kamal Zakaria](#) - Ogos 1, 2015 @ 12:09am
badrulkamal@bh.com.my



HUTAN kecil di Kampung Parit Raja Laut, Muar yang dikatakan terletaknya pusara 99 mangsa Lembing Awang Pulang ke Dayang. - Foto Badrul Kamal Zakaria

MUAR: Sekali imbas, tiada apa yang luar biasa yang hendak diperkatakan di Kampung Parit Raja Laut, Muar, selain daripada sebuah perkampungan nelayan yang dikelilingi hutan paya bakau.

Namun bagi penduduk asal dan masyarakat setempat, Kampung Parit Raja Laut bukan sekadar kampung biasa, sebaliknya menyimpan 1,001 misteri yang masih belum diterokai sepenuhnya.

Di sinilah lokasi yang menjadi saksi kepada kisah tiga segi dan lambang kasih sayang yang utuh antara si teruna dan dara di sebalik kisah legenda Lembing Awang Pulang Ke Dayang.

Penduduk asal, Yahya Lani, 68, atau lebih mesra dengan panggilan Pak Yaya oleh penduduk setempat, berkata kisah Lembing Awang Pulang ke Dayang ini diperturunkan secara lisan daripada satu generasi ke generasi yang lain sehingga kini.

DISYORKAN UNTUK ANDA


- [Dayang sayu ibu jauh](#)
- [Rumah penduduk tepi pantai Muar pernah 'ditelan' laut](#)
- [Eksklusif: Sukar ke laut muara ditimbus lumpur](#)
- [Parit Bunga kaya hasil laut](#)

Katanya, mengikut kisah daripada neneknya, penduduk di sini

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 4m [COVID-19: Kerajaan perluas inisiatif Trak Vaksin Bergerak](#)
- 11m [Bekalan minyak masak bersubsidi kurang](#)
- 14m [Warga emas berusia 120 tahun terima vaksin COVID-19](#)
- 15m [COVID-19: Pemberian vaksin di Selangor akan ditingkatkan](#)
- 17m [PKP penuh mula buahkan hasil - Dr Adham](#)
- 27m [COVID-19: Fasa 4 PICK di sektor ekonomi kritikal](#)
- 30m [Ashira kecewa, penggiat muzik dipandang hina](#)
- 31m [KKM gerakkan doktor pelatih ke pusat vaksinasi](#)



sememangnya percaya kisah legenda terbabit sememangnya berlaku di Kampung Parit Raja Laut dengan disandarkan oleh kewujudan enam lorong batas yang dipercayai tempat pengebumian 99 mangsa lembing Awang.



ANTARA papan tanda simbolik untuk ke Kampung Parit Raja Laut, Muar. - Foto Badrul Kamal Zakaria

"Kisah Awang ini bermula ketika Awang bertunang dengan kekasih hatinya, Dayang dan pertunangannya ini berlanjutan sehingga bertahun-tahun kerana hendak mengumpul wang belanja kahwin.

"Awang dikatakan keluar pergi mengembara dan beliau dikatakan keluar dari kampung ini selepas lebih dua tahun iaitu melangkaui tarikh pertunangan yang sepatutnya beliau pulang untuk mengahwini Dayang.

"Bila dah lebih dua tahun dan beliau (Awang) tidak balik-balik lagi, sampai orang di sini dan mungkin ibu si Dayang memutuskan tali pertunangan ini," katanya ketika ditemui BH baru-baru ini.

Yahya berkata, apabila pertunangan itu sudah diputuskan, dipercayai terdapat seorang pemuda lain iaitu Bachok, anak penghulu kampung kemudiannya bertindak meminang si Dayang dan hubungan mereka kekal hingga saat mereka akan dikahwinkan.




VAKSIN



NASIONAL 15 minit yang lepas
Warga emas berusia 120 tahun terima vaksin COVID-19

NASIONAL Jun 8, 2021 @ 5:51pm



Penghuni Pondok Pak Teh Mat terima suntikan vaksin



NASIONAL Jun 8, 2021 @ 5:14pm
Lebih 1.1 juta individu lengkap vaksin



NASIONAL Jun 8, 2021 @ 4:52pm
Fokus dulu yang mahukan vaksin - KJ



WILAYAH Jun 8, 2021 @ 3:36pm
'Berjaya pujuk nenek suntik vaksin'




WILAYAH Jun 8, 2021 @ 2:55pm
Program Outreach Vaksinasi COVID-19 di Kelantan berkesan


TRENDING



NASIONAL 3 jam yang lepas
'Maaf, jangan terus hukum kami'



KES 3 jam yang lepas
6 pekerja bank direman bantu siasatan rasuah



SELEBRITI 3 jam yang lepas
Daripada 'kerepok lekor' bertukar sayang



NASIONAL 4 jam yang lepas
Tidak bincang perubahan kerajaan - Anwar



NASIONAL 8 jam yang lepas
COVID-19: Kematian meningkat, mayat tunggu giliran diuruskan

MYRESIPI



INFOMASI 3 jam yang lepas
Cara Potong Bawang Yang Mudah Dan Cepat!



ARTIKEL 3 jam yang lepas
Tips Pilih Ikan Segar Dan Cara Siang



PENDUDUK asal Kampung Parit Raja Laut, Yahya Lani, 68.

Bagaimanapun, katanya, beberapa hari sebelum Dayang dan Bachok melangsungkan perkahwinan mereka, Awang dengan tidak semena-mena kembali semula ke Kampung Parit Raja Laut dengan membawa wang dan barang hantaran perkahwinannya hasil daripada pengembaraannya selama dua tahun.

"Jadi apabila Awang dengar dan mendapat tahu si Dayang akan berkahwin dengan si Bachok, dia terus balik ke rumah dan diambilnya dua pasang lembing dan terus mengasahnya.

"Pada hari persandingan Dayang dan Bachok yang dijalankan selepas Maghrib kerana waktu itu sudah jadi kelaziman majlis persandingan dilakukan pada waktu itu, Awang muncul dan terus menikam Bachok.

"Bachok kemudian mencabut lembing itu dan menikam orang di hadapannya dan orang di hadapan turut menikam orang di hadapannya sehinggalah ke-99 orang ditikam dengan yang terakhir adalah bapa Dayang," katanya.



KAWASAN kuala Kampung Parit Raja Laut, Muar yang menjadi saksi kepada kisah legenda Lembing Awang Pulang Ke Dayang. - Foto Badrul Kamal Zakaria

Yahya berkata, ketika bapa Dayang mencabut lembing itu dan hendak menikam orang di hadapannya, dia mendapati orang itu adalah anaknya sendiri menyebabkannya menyerahkan lembing itu kepada Si Dayang dan itulah bermulanya kisah Lembing Awang Pulang ke Dayang.

"Awang kemudiannya dikatakan melarikan diri dan mengembara menerusi jalan laut. Selepas tragedi itu, tidak diketahui apa yang terjadi kepada Awang. Mungkin dia membawa diri yang berduka.

"Itulah antara kisah dan versi cerita yang saya dapat daripada nenek sebelum ini berkaitan kisah Lembing Awang Pulang Ke Dayang yang berlaku di kampung ini suatu ketika dahulu," katanya.

Yahya berkata, selain daripada kisah 99 mangsa lembing Awang ini, terdapat kisah mangsa lain yang turut terkena sumpahan lembing Awang ini ketika majlis menyambut menantu diadakan di keluarga Si Bachok.

"Sampai masa menyambut menantu pula, dikatakan berlaku lagi satu pergaduhan. Tidak tahu sama ada berkaitan lembing atau masalah lain hingga menyebabkan 49 mangsa pula yang terkorban iaitu di sebelah pihak lelaki.

"Sama ada lembing itu juga yang digunakan, tidak tahulah. Kisah



[Ikan](#)



[ARTIKEL](#) 3 jam yang lepas

[Cara Kupas Buah Mangga, Mudah Dan Cantik!](#)

[ARTIKEL](#) Jun 8, 2021 @ 3:23pm



[Cara Buat Cheesekut Viral Dengan Mudah, Jom Cuba!](#)



[ARTIKEL](#) Jun 8, 2021 @ 3:19pm

[Cara Buat Air Detox, Sihat Dan Mudah!](#)

Sama ada lembing itu juga yang digunakan, tidak laju. Nisan mengenai Dayang juga tidak diketahui selepas tragedi terbabit sama ada tidak berkahwin atau berkahwin dengan orang lain," katanya.

Ditanya mengenai keturunan Awang dan Dayang sama ada masih terdapat di kampung terbabit, Yahya memberitahu kurang pastinya mengenainya tetapi pernah mendengar keturunan mereka masih ada dan tinggal di Kampung Parit Bakar yang terletak tidak jauh dari situ.

"Keturunan Awang atau Dayang itu mungkin masih ada tapi itu pun dah beberapa keturunan. Mengenai lembing milik Awang itu jika tidak silap saya ada disimpan di muzium di Johor Bahru," katanya.

BERITA BERKAITAN



BHPLUS Ogs 2, 2015 @ 12:14am
Kejadian aneh di pusara 99 mangsa lembing Awang



BHPLUS Ogs 3, 2015 @ 12:03am
Muar pernah jadi padang jarak, padang tekukur



BHPLUS Feb 15, 2017 @ 12:04am
Kisah Panglima Lidah Hitam



SELEBRITI Mei 26, 2020 @ 11:00am
Dayang lega konsert virtual 'menjadi'

Disyorkan untuk anda

Recommended by



Entrepreneur Pays \$20.4 Million for Fort...
Mansion Global

Corner Lot LAST CALL!!! [Biggest House 2-Sty...
Kuala Lumpur
mudahpropertymy

[SEE DETAILS](#)



Dental Implant Prices in Nearby Countries in 202...
Dental Implants | Searc...



Malaysia: New "Lung Cleaning" Device Is Going...
AirPhysio



Mansion Global Daily: Celebs in the New York...
Mansion Global



The push-up bra that has taken the world by a storm.
AirBra Pro™



Malaysia: Work-from-home jobs in the US may p...
Working From Home | ...



Kajang: Liquidation Of Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK